

NO. SOALAN: 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN
[AMPANG]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2016 (ISNIN)

SOALAN :

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah masalah sebenar gangguan LRT yang berlaku mengakibatkan orang awam terkandas dalam menjalani aktiviti harian mereka.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aset dan operasi LRT Rapid KL dimiliki oleh Prasarana Malaysia Berhad. Tahap kebolehpercayaan perkhidmatan rel Rapid KL adalah secara purata melebihi 99 peratus, sekali gus meletakkan perkhidmatan LRT di Kuala Lumpur setaraf dengan standard operasi rel-rel bandar utama dunia.

2. Pada masa yang sama, sepertimana perkhidmatan mana-mana rel bandar di dunia juga, terdapat pada hari-hari tertentu, perkhidmatan LRT ini menghadapi cabaran. Antara cabaran ini adalah masalah teknikal terhadap tren, atau masalah sistem serta faktor-faktor luaran yang lain. Walaupun insiden-insiden ini jarang berlaku, Kerajaan sentiasa memandang serius untuk memastikan penyediaan perkhidmatan yang sebaik mungkin untuk para pengguna.

3. Merujuk kepada insiden gangguan perkhidmatan LRT Laluan Kelana Jaya yang berlaku pada pada 7 dan 9 September 2016 yang lalu, siasatan awal Prasarana mendapati punca kejadian adalah disebabkan oleh gangguan bekalan elektrik. Siasatan lanjut kini sedang dijalankan oleh Prasarana dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk memastikan insiden sama tidak berulang kembali.

Sekian, terima kasih.